



## JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 WP PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000  
Faks: 603-8880 8288  
Laman Web: www.jpn.gov.my  
E-mel: pro@jpn.gov.my



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (33)

Tarikh : 13 Jun 2016

**Ketua Pengarang,  
The Sun**

Tuan,

### **MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THE SUN BERTAJUK "BOY STATELESS OVER RELEGIOUS ISSUE" BERTARIKH 10 JUN 2016, JUMAAT – M.S: 7 (NEWS WOTHOUT BORDERS)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Kalyana Kumar a/l Rajoo berkenaan anak beliau yang tiada dokumen pengenalan diri.

3. Ingin dimaklumkan, JPN ingin menyangkal dakwaan isu ketiadaan dokumen sijil kelahiran anak Encik Kalyana Kumar a/l Rajoo kerana Encik Kalyana Kumar a/l Rajoo sendiri yang telah menguruskan pendaftaran lewat kelahiran anak beliau dan permohonan tersebut telah pun diluluskan oleh JPN pada 5 Julai 2012. Walau bagaimanapun, Encik Kalyana Kumar a/l Rajoo enggan mengambil sijil kelahiran tersebut.

4. Ingin dijelaskan, sijil kelahiran anak beliau yang telah diluluskan adalah berstatus warganegara dan semua maklumat adalah merujuk kepada maklumat ibu. Oleh yang demikian, JPN menasihatkan Encik Kalyana Kumar a/l Rajoo hadir ke JPN untuk mengambil sijil kelahiran tersebut bagi memudahkan beliau menguruskan sebarang urusan rasmi anaknya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.: 1. YBr. Tuan KPPN

RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005  
CERT. NO.: AR 4763